



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Analisis Domain Afektif Dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) di Institusi Pengajian Tinggi

(Analysis of the Affective Domains in Ethics and Civilization Appreciation Courses (PEP) at Higher Education Institutions)

Mahfuzah Mohammed Zabidi^{1*}, Nur Syazwani Othman², Ahmad Fakhrurrazi
Mohammed Zabidi³ & Norhapizah Mohd Burhan⁴

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 81700 Masai, Malaysia

³Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 26400 Pahang, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

Keywords:

affective

ethics and civilization

higher education institution

university student

values

Katakunci:

afektif

etika dan peradaban

IPT

mahasiswa

nilai

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.14>

ABSTRACT

The era of the Fourth Industrial Revolution has not only impacted the service and industrial sectors within and outside the country but has also influenced changes in human values. Despite the progressing advancements, deficiencies in humanitarian values have led to difficulties in shaping holistic students. The formation of a holistic student needs to align with the knowledge, values, and skills possessed to remain relevant to the job market and current needs. However, issues such as student involvement in drug abuse, infant abandonment, wild parties, and the increasing prevalence of mental health problems indicate a deviation in affective or psychological aspects. This study focuses on analyzing the affective domain in the Ethics and Civilization Appreciation course (PEP) at institutions of higher learning. It also applies content analysis to documents and conducts structured interviews. The research findings reveal that the course information for each university supports the implementation and development of good values and ethics in students. In conclusion, the affective domain becomes central to the development of holistic students based on the National Education Philosophy to achieve a balance in physical, emotional, spiritual, and intellectual aspects grounded in belief and awareness of God.

^{1*} Corresponding author. *E-mail address:* mahfuzah3051@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.14>

ABSTRAK

Era revolusi industri 4.0 memberikan kesan bukan sahaja kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian dalam dan luar negara, bahkan kepada perubahan nilai dalam kalangan manusia. Di sebalik kemajuan yang semakin membangun, kekurangan nilai-nilai kemanusiaan menyebabkan kesukaran dalam pembentukan mahasiswa holistik. Pembentukan mahasiswa holistik perlu seiring dengan ilmu, nilai dan kemahiran yang dimiliki agar relevan dengan pasaran kerja dan keperluan semasa. Namun begitu, isu penglibatan mahasiswa dalam penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi dan pesta liar serta peningkatan masalah kesihatan mental menunjukkan kelompangan dari aspek afektif atau kejiwaan. Kajian ini memfokuskan analisis domain afektif dalam Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) di institusi pengajian tinggi. Kajian ini juga mengaplikasikan reka bentuk analisis kandungan terhadap dokumen dan menjalankan temu bual secara berstruktur. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa maklumat kursus (Course Information) bagi setiap universiti ini mendokong penerapan dan pembangunan nilai dan etika yang baik dalam diri mahasiswa. Tuntasnya, domain afektif menjadi teras dalam pembangunan mahasiswa holistik berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar mencapai keseimbangan dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek yang berlandaskan kepercayaan dan kesedaran kepada Tuhan.

PENDAHULUAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menetapkan matlamat pendidikan yang bertujuan melahirkan mahasiswa sepadu dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berteraskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Bagi membentuk mahasiswa holistik, pencapaian akademik yang menumpukan kekuatan kognitif semata-mata tentunya tidak mencukupi. Penyuburan nilai positif juga diperlukan untuk membangunkan kekuatan rohani dan emosi agar mahasiswa mampu berdepan dengan apa jua cabaran kehidupan.

Perkembangan teknologi yang dipacu oleh revolusi industri sedikit sebanyak mempengaruhi corak penekanan domain dalam pembelajaran. Ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi lebih diberi penumpuan berbanding domain afektif (Khalil et al., 2020; Zabidi et al., 2022). Selain itu, isu gejala sosial yang berlaku dalam kalangan mahasiswa seperti penglibatan dalam penagihan dadah, ketagihan pornografi dan pembuangan bayi menunjukkan kelompangan dari sudut kejiwaan meskipun memiliki kelayakan akademik yang membanggakan (Hanapi et al., 2021; Husain et al., 2018; Marzuki et al., 2021; Rosli et al., 2023). Perkara ini juga dipandang serius apabila pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia juga memberikan kesan dan menyebabkan berlaku peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa (Mohamad Yunos & Mahat, 2021; Salman et al., 2022).

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) dirangka oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) pada tahun 2019 dan dilaksanakan pada Jun 2020 sebagai satu usaha serius dalam membangunkan nilai dan etika yang baik dalam diri mahasiswa (Rosli et al., 2023). Kursus PEP merupakan Mata Pelajaran Umum (MPU) yang wajib diikuti oleh semua pelajar di institut pengajian tinggi. Kursus ini bertujuan membentuk dan menerapkan nilai etika dan peradaban mengikut acuan Malaysia yang bertunjangkan nilai Islam dan meraikan kepelbagaian budaya dari masyarakat majmuk (Esa et al., 2021). Domain afektif merupakan salah satu domain pembelajaran yang melihat kepada perubahan nilai, emosi, motivasi dan sikap sehingga membentuk pemikiran dan tingkah laku yang baik (Jagger, 2013; Kraft et al., 2011; Zabidi et al., 2022).

Secara langsung, domain afektif menjadi fokus utama dalam kursus ini kerana mementingkan penyuburan nilai kerjasama, empati, ihsan dan semangat perpaduan bagi membentuk insan sejahtera. Namun begitu, bagaimanakah pembawaan pensyarah untuk menjayakan pembentukan domain afektif melalui kursus ini? Adakah pembawaan kursus ini masih cenderung untuk memberatkan aspek kognitif? Bagaimanakah pembangunan mahasiswa holistik yang dihasratkan dapat direalisasikan? Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis domain afektif dalam kursus penghayatan etika dan peradaban di institusi pengajian tinggi di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan sorotan kajian yang lepas, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan berkenaan pengajaran kursus PEP ini. Kajian yang dilakukan lebih menumpukan aspek nilai-nilai murni serta kaedah pengajaran dan penilaian pensyarah. Kajian oleh Abdullah et al. (2022) menjelaskan kepentingan kursus dalam memupuk kesepaduan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia. Berdasarkan kajian lepas, kursus ini dilihat berperanan dalam memupuk kebersamaan dan kekitaan dalam setiap individu rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama kerana penekanan nilai saling menghormati, bertolak ansur, berkomunikasi secara berhemah serta menghargai keunikan dan kelainan budaya setiap masyarakat. Senada dengan kajian tersebut, kajian oleh Fatmi Talib et al. (2021) juga mengangkat tema aspek perpaduan dan patriotisme sebagai kesan positif yang diperolehi hasil pengajaran dan pembelajaran kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. Kursus ini memberi ruang penyuburan nilai yang berkait rapat dengan penjagaan keharmonian dan kesejahteraan dalam negara masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian Rosli et al. (2023) juga mendapati bahawa tahap kefahaman nilai-nilai murni pelajar melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban juga berada pada tahap yang tinggi. Lanjutan dari tema tersebut, kajian Mokhtar et al. (2021) meneroka potensi penerapan unsur dakwah berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kursus ini. Penekanan aspek berfikir secara kreatif dan kritis diperlukan agar dapat memandu mahasiswa membuat keputusan yang tepat dan benar. Kajian mereka menumpukan kepentingan pengajaran yang melibatkan komunikasi dua hala yang melibatkan sumbang saran dan perbincangan agar mengasah pemikiran rasional pelajar.

Apabila diperhatikan kepada corak kajian lepas, penekanan kajian lebih tertumpu kepada analisis kepentingan dan kerelevanan kursus dalam usaha memupuk nilai murni dan membina sikap positif. Sebagai contoh, kajian Mohamad Ahmad et al. (2023) menjelaskan penguasaan domain afektif dan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa di Politeknik melalui kursus PEP berada pada tahap yang tinggi. Kajian tentang penerimaan pelajar di Politeknik Kedah terhadap pelaksanaan kursus PEP turut dilakukan bagi membuktikan kerelevanan kandungan kursus ini bertepatan dengan FPK (Md. Saad, 2021). Kajian-kajian ini memberikan satu petunjuk tentang jalinan rapat kursus ini dengan pembinaan aspek afektif dan kemahiran insaniah sekali gus menampakkan komitmen kementerian dan signifikan kursus ini dalam menjayakan FPK. Pembinaan jati diri individu sebagai rakyat Malaysia, nilai tanggungjawab dan kepimpinan menjadi tumpuan utama yang ditekankan dalam kursus ini serta daripada nilai murni yang lain.

Meskipun aspek nilai yang ditekankan oleh pengkaji lepas merupakan salah satu komponen domain afektif, namun begitu, belum ada satu kajian khusus yang menganalisis aspek pengajaran atau penerapan afektif secara komprehensif. Kajian yang meneroka bagaimana corak penyampaian domain afektif melalui kursus di universiti awam juga masih belum meluas. Dengan berteraskan model penjajaran konstruktif yang melibatkan analisis terhadap objektif kursus, kandungan, kaedah penyampaian dan penilaian, kajian ini menumpukan aspek afektif yang bermatlamatkan pembinaan jati diri dan insan yang holistik. Analisis kajian ini bersandarkan kepada kepentingan aspek nilai dalam kehidupan yang tidak hanya wajar diketahui secara kognitif tetapi juga dapat dihayati dan diambil tindakan dalam kehidupan sebagaimana yang dimaksudkan dengan domain afektif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan terhadap dokumen rasmi yang menjelaskan hasil pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran serta kaedah penilaian terhadap kursus ini. Oleh sebab kursus ini merupakan mata pelajaran wajib universiti (MPU) seluruh universiti awam (UA) ada menawarkannya. Bagi melaksanakan peranan UA dengan berkesan, UA dikategorikan kepada tiga Kumpulan, iaitu Universiti Penyelidikan, Universiti Komprehensif dan Universiti Berfokus (teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan). Pemilihan universiti bagi setiap kategori dalam kajian ini dilakukan secara rawak mudah serta berdasarkan persetujuan wakil setiap universiti untuk terlibat dalam kajian ini. Dokumen pengajian tinggi, silibus kursus PEP dari setiap universiti yang dipilih, buku teks yang digunakan untuk kursus ini dan jurnal yang berkaitan nilai dan afektif dianalisis secara induktif dan deduktif. Bagi meneroka pengendalian kursus ini, temu bual mendalam secara berstruktur ke atas sembilan orang pensyarah mewakili kategori universiti yang berbeza. Kategori universiti awam dan pemilihan universiti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kategori Universiti

Kategori Universiti	Universiti yang Dipilih
Penyelidikan	UTM & UKM
Komprehensif	UiTM
Berfokus	USIM

Sumber: Penulis (2024)

Kaedah pensampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan dan pemilihan setiap kategori universiti dilakukan secara rawak mudah. Informan yang dipilih adalah dalam kalangan informan yang boleh memberikan maklumat atau pengalaman yang diperlukan dalam sesebuah kajian (Bernard, 2011). Pemilihan sembilan orang informan ini adalah berdasarkan jawatan sebagai penyelar kursus, terlibat dalam kursus *training of trainers* (TOT) yang dianjurkan oleh JPT serta sebagai pengajar kursus bermula dari kursus ini diperkenalkan pada tahun 2019. Manakala, pakar-pakar yang dipilih merupakan daripada bidang nilai dan pendidikan serta terlibat dengan penggubalan kursus dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi kursus PEP.

DAPATAN KAJIAN

1. Analisis Domain Pembelajaran Berdasarkan Hasil Pembelajaran Kursus

Berdasarkan Jadual 2, analisis perbandingan yang dilakukan mendapati bahawa kesemua universiti menetapkan hasil pembelajaran yang sama iaitu (i) menganalisis konsep etika dan peradaban, (ii) membandingkan sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial, dan kebudayaan merentas bangsa dan (iii) membincangkan isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban. Pemetaan setiap hasil pembelajaran dengan domain pembelajaran agak berbeza antara universiti, namun begitu tiga kemahiran insaniah yang banyak ditumpukan ialah domain afektif yang melibatkan aspek etika dan profesionalisme, kemahiran komunikasi, kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab. Selanjutnya, temu bual bersama pensyarah mendapati bahawa insan sejahtera yang ingin dilahirkan melalui kursus ini merupakan insan berakhlak yang dapat menghayati nilai jati diri dan budaya sendiri serta menjalani kehidupan bersama dengan menghormati kepelbagaian budaya lain berteraskan sejarah dan tradisi penduduk Malaysia. Justeru, aspek kecaknaan untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat bertunjangkan nilai-nilai teras negara, serta menjaga perpaduan masyarakat menjadi tema utama yang diangkat dalam kursus ini.

Jadual 2: Analisis Hasil dan Domain Pembelajaran

Universiti	Input (Course Outcome)	Domain Pembelajaran (LOD) / (PLO)	Analisis Temubual
UTM	CLO1: Menganalisis konsep etika dari peradaban yang berbeza. CLO2: Membandingkan sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial dan kebudayaan merentas bangsa.	PLO1: Pengetahuan dan Pemahaman PLO11: Etika dan Profesionalisme	1) Menjadi insan yang baik 2) Menjadi warganegara yang beretika dan berakhlak
	CLO3: Membincangkan isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.	PLO6: Kemahiran Digital	
UKM	CLO1: Menjelaskan konsep etika daripada peradaban yang berbeza.	MQF5, A3, PLO 11: Etika dan profesionalisme	
	CLO2: Menghuraikan tahap kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan merentas etnik. CLO3: Menyelesaikan isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.	MQF3C, A4: Kemahiran Komunikasi Bertulis dan Komunikasi Lisan MQF3F, A3: Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab.	1) Penghayatan tentang budaya, adat resam setiap etnik 2) Menghayati nilai, etika dan akhlak 3) Menghargai sejarah dan tradisi
UiTM	CLO1: Menjelaskan konsep etika dan peradaban dalam konteks penghayatannya mengikut acuan Malaysia.	PLO1: Pengetahuan dan Pemahaman	
	CLO2: Menganalisis sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial dan kebudayaan merentas etnik. CLO3: Membincangkan isu kontemporari berkaitan ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban.	PLO13: Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab PLO17: Etika dan Profesionalisme	1) Melahirkan mahasiswa sebagai warganegara yang sejahtera dan baik serta selari dengan FPK. 2) Penerapan nilai, etika dan moral dalam diri mahasiswa 3) Melahirkan mahasiswa yang seimbang teori dan praktikal dan memberi sumbangan kepada masyarakat
USIM	CLO1: Menjelaskan konsep etika dan peradaban dalam konteks penghayatannya mengikut perspektif Malaysia.	PLO2: Kemahiran Kognitif	
	CLO2: Menganalisis sistem, tahap perkembangan, kemajuan sosial dan budaya di antara etnik. CLO3: Membincangkan isu-isu kontemporari yang berkaitan dengan ekonomi, politik, sosial, budaya dan persekitaran dari perspektif etika dan peradaban.	PLO11: Etika dan Profesionalisme PLO5: Kemahiran Komunikasi	1) Melahirkan mahasiswa yang mempunyai kerjasama dengan sekeliling 2) Membentuk perpaduan antara kaum

Sumber: Penulis (2024)

2. Analisis Kaedah Penyampaian

Selanjutnya, analisis terhadap kaedah penyampaian kursus ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mendapati bahawa kaedah kuliah, perbincangan, pembentangan lisan atau melalui video serta tugas penulisan ilmiah menjadi kaedah terbanyak yang diaplikasi oleh para pensyarah. Kaedah yang dipilih menunjukkan bahawa reka bentuk pengajaran cuba melibatkan pelajar secara aktif dengan aktiviti pembelajaran. Bagi memudahkan kefahaman pelajar, pensyarah menyediakan slaid dan nota berkaitan kursus PEP, menggunakan contoh isu semasa dan mempelbagaikan corak penekanan tentang nilai etika dan peradaban dalam realiti semasa. Kaedah komunikasi secara *verbal* juga banyak diterapkan dalam pengajaran kursus PEP. Nasihat dan motivasi yang diberikan kepada para pelajar menjadi salah satu cara dalam mengaplikasikan komunikasi secara *verbal*. Kursus PEP ini merangkumi perkara-perkara yang mempunyai hubungan yang kuat dalam kehidupan pelajar. Respon yang diterima daripada pelajar juga memainkan peranan dalam penggunaan komunikasi ini. Hal ini bukan sahaja dapat menggalakkan proses pembelajaran berlaku, bahkan meningkatkan produktiviti pelajar dalam pembelajaran.

Jadual 3: Analisis Kaedah Penyampaian

Universiti	Analisis Dokumen	Analisis Temubual
UTM	Kuliah, pembelajaran aktif, ujian, pembentangan, peta minda, video kreatif, permainan, tugas esei	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kuliah 2) Penyediaan templat tugas 3) Video kreatif 4) Komunikasi secara verbal 5) Pengajaran secara langsung 6) Pengajaran secara tidak langsung 7) E-Pembelajaran 8) Tugas esei 9) Penggunaan alat bantu mengajar
UKM	Kuliah Interaktif dan E-Pembelajaran, Pembelajaran Berasaskan Masalah melalui Projek /Tugas Kolaboratif	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kuliah 2) Penggunaan alat bantu mengajar 3) Penggunaan contoh dalam pengajaran 4) Pengajaran secara langsung 5) Maklum balas 6) Pengajaran mengikut persekitaran
UiTM	Perbincangan berasaskan kes, perbincangan, kuliah, pembentangan, <i>role play</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kuliah 2) Pengajaran secara langsung 3) Pengajaran secara tidak langsung 4) Pengajaran mengikut persekitaran 5) Penggunaan aplikasi permesejan 6) E-pembelajaran 7) Menjelaskan peraturan 8) Fokus satu disiplin ilmu 9) Penggunaan contoh dalam pengajaran 10) Maklum balas 11) <i>Role play</i> 12) Memberi pengenalan subjek 13) Komunikasi secara verbal 14) Tugas 15) Penggunaan alat bantu mengajar
USIM	Secara maya (<i>online</i>), rakaman suara/video, <i>Whatsapp</i> dan nota	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kuliah 2) Pengajaran secara langsung 3) Pengajaran secara tidak langsung 4) Penggunaan alat bantu mengajar 5) Maklum balas 6) Komunikasi secara verbal 7) Memberi pengenalan subjek

Sumber: Penulis (2024)

3. Analisis Kaedah Penilaian

Dari aspek penilaian pula, semua universiti tidak bergantung semata-mata kepada ujian atau peperiksaan akhir. Pelajar dikehendaki menyiapkan pembentangan dan laporan bertulis daripada projek dan aktiviti yang dilaksanakan. Menurut hasil temu bual pensyarah, komponen ujian dibuat untuk mengukur tahap pengetahuan pelajar dari sudut kognitif. Manakala bagi pembentangan dan tugasan, lebih menumpukan kepada aspek nilai dan sikap yang merangkumi pembentukan afektif. Penilaian terhadap pembentangan dilaksanakan secara berkumpulan. Komponen ujian, pembentangan dan tugasan menjadi kaedah penilaian bagi kursus PEP ini mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh JPT. Melalui pembentangan, pelajar dinilai dalam aspek kerjasama, kesungguhan dan ketekunan dalam melaksanakan pembentangan tersebut. Seterusnya, penilaian melalui tugasan diberikan kepada pelajar seperti tugasan esei dan perlu dilaksanakan secara berkumpulan. Setiap bentuk kaedah penilaian yang dibangunkan ini bertujuan untuk membina kemahiran insaniah dalam diri pelajar dan membentuk sikap serta nilai yang baik dalam melaksanakan suatu tugasan. Analisis kaedah penilaian ditunjukkan sebagaimana Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Analisis Kaedah Penilaian

Universiti	Analisis Dokumen	Tema dari Temubual
UTM	Ujian, pembentangan kumpulan dan tugasan esei berkumpulan	1) Ujian 2) Pembentangan berkumpulan (peta minda, video kreatif & permainan) 3) Tugasan esei 4) Pemerhatian
UKM	Ujian, refleksi, pembentangan kumpulan, video kreatif, laporan bertulis	1) Tugasan 2) Kuiz 3) Pembentangan 4) Ujian
UiTM	Kertas kerja, ujian akhir, pembentangan	1) Kertas kerja 2) Pembentangan 3) Ujian akhir 4) Rubrik 5) Kemahiran komunikasi dan respon pelajar 6) Pemerhatian
USIM	Kuiz, tugasan berkumpulan, pembentangan berkumpulan, refleksi berkumpulan, peperiksaan akhir	1) Tugasan berkumpulan 2) Kuiz 3) Pembentangan 4) Sikap dalam membuat tugasan

Sumber: Penulis (2024)

Analisis ke atas pelaksanaan kursus ini mendapati bahawa konsep penajajaran konstruktif dilaksanakan dengan melihat kepada keselarian hasil pembelajaran, kaedah penyampaian dan penilaian kursus. Analisis terhadap dokumen mendapati bahawa terdapat nilai yang jelas boleh ditemui dalam setiap bab yang dipelajari. Nilai seperti jati diri, kepimpinan, bertanggungjawab, hormat-menghormati, cinta kepada negara, semangat perpaduan dan peradaban yang sejahtera dapat difahami secara eksplisit. Namun begitu, semua nilai ini agak kabur dari aspek penetapan taksonomi domain afektif. Adakah nilai yang dikehendaki sebagai hasil pembelajaran berada pada tahap menerima, merespon, menilai, mengorganisasi ataupun menjadi perwatakan (*characterization*).

Proses menerapkan penghayatan kepada mahasiswa dari sudut nilai dan etika yang baik menjadi kepentingan dalam kursus ini. Dari perspektif pensyarah, hal tersebut penting bagi melahirkan mahasiswa yang mempunyai keseimbangan dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek sekali gus memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Kursus PEP ini juga bertujuan untuk membina kesatuan bagi setiap individu di Malaysia dengan menerapkan penghayatan terhadap sejarah, budaya dan adat resam bagi setiap etnik dan kaum.

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa tujuan akhir yang ingin dicapai dalam kursus ini ialah pembentukan sikap, emosi dan nilai yang baik dalam diri pelajar. Namun begitu, asas kepada pembentukan komponen afektif tersebut adalah kefahaman yang benar mengenai konsep etika dan peradaban dalam acuan Malaysia yang berpaksikan kepada Rukun Negara (RN). Ia merupakan suatu yang menjadi kemestian bagi semua warganegara untuk memahami dan menghormatinya. Dalam kata lain, kesepaduan antara ilmu dan kefahaman yang benar mengenai konsep kebaikan, kesejahteraan dan perpaduan yang berteraskan nilai Malaysia dengan aspek praktis atau amali sangat diperlukan bagi pembinaan sikap atau watak insan holistik yang dikehendaki (Ruslan et al., 2020). Penerapan nilai dan sikap yang baik juga perlu dijelaskan agar mengikut konteks dan realiti semasa di Malaysia (Esa et al., 2021). Oleh demikian, tidak dapat tidak, nilai utama yang terkandung dalam FPK dan RN perlu menjadi asas dalam penghuraian ilmu dan penghayatan amalan yang ditekankan dalam kursus ini. Kesepaduan FPK dan RN merupakan titik persepaktan dalam kemajmukan konteks Malaysia bagi menjamin keharmonian dan sikap saling menghormati seluruh warganegara. Nilai autonomi, kepimpinan, tanggungjawab dan jati diri yang dimasukkan dalam kursus perlu disuburkan mengikut prinsip kesepaduan tersebut.

Selain itu, pensyarah merupakan watak penting dalam membawa pelajar untuk menjiwai kepentingan kursus PEP ini. Kepelbagaian kaedah dalam pengajaran kursus PEP ini harus dilaksanakan dan dijalankan bagi menarik minat pelajar dalam menghayati nilai-nilai yang ada dalam kursus PEP ini (Md Soh, 2022; Rosli et al., 2023; Ruslan et al., 2020). Setiap respon pelajar yang diterima oleh pensyarah menjadi titik kesinambungan dalam suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku. Seterusnya, aktiviti-aktiviti tambahan di luar kelas hendaklah dipergiatkan bagi membangunkan afektif dalam diri pelajar agar mereka mampu menghayati nilai-nilai tersebut secara praktikal. Faktor utama yang tidak dapat dikesampingkan juga adalah peribadi pensyarah yang sewajarnya menjadi contoh kepada para pelajar (Muhammad et al., 2013).

Kaedah penilaian yang digunakan bagi kursus PEP ini merupakan penilaian yang dipraktikkan dalam institut pengajian tinggi. Secara praktiknya, pembangunan afektif perlu dibangunkan seiring dengan pembangunan kognitif (Jagger, 2013). Ujian akhir merupakan sebahagian daripada kaedah penilaian bagi menilai pencapaian akademik mahasiswa serta membantu proses pembelajaran bagi memperbaiki pencapaian mereka (Abu Bakar et al., 2019). Maka, penilaian berdasarkan ujian akhir ini dapat menggesa pelajar agar lebih serius apabila sistem pemarkahan diletakkan dalam kursus PEP ini (Awang et al., 2023). Walau bagaimanapun, markah keseluruhan yang diperoleh pelajar bukan semata-mata mengukur kognitif, bahkan markah tersebut meliputi penilaian dari sudut tugas dan pembentangan yang dilaksanakan oleh pelajar (Awang et al., 2023). Oleh itu, pengukuran pembangunan afektif diukur melalui domain pembelajaran mengikut nilai yang dikehendaki dalam kursus PEP ini. Antara nilai yang cuba disemai dalam diri pelajar ialah beretika, empati, bekerjasama, cakna kepada masyarakat dan patriotisme. Dalam menjamin keberlangsungan nilai dalam diri pelajar, refleksi menjadi salah satu kaedah bagi melihat semula pengalaman pembelajaran yang dilalui sebelum ini.

Pembentukan sikap adalah aspek yang tumbuh daripada cara berfikir yang tepat. Pensyarah bertanggungjawab dalam membentuk cara berfikir pelajar yang membawa kepada kesedaran mencintai dan menghargai nilai kehidupan manusia dan alam (Mohd Noor et al., 2013). Kesedaran tersebut selanjutnya perlu dibawa kepada hakikat kewujudan diri yang bersandar kepada penjagaan dan sifat pemurah Allah SWT. Sesuai dengan prinsip-prinsip RN, nilai bertuhan bersulam jiwa kemanusiaan sewajarnya menjadi pasak kepada pembentukan nilai, emosi dan sikap yang baik.

Jadual 5: Analisis Konten PEP

Konten PEP	Hasil Pembelajaran	Nilai Berkaitan
BAB 1: Pengenalan Etika dan Peradaban dari Perspektif Malaysia	1) Menjelaskan kerangka pemikiran penghayatan etika dan peradaban. 2) Menganalisis etika dan peradaban dari segi individu, keluarga, masyarakat dan negara.	1) Nilai beretika / Akhlak 2) Nilai peradaban
BAB 2: Konsep Etika dan Peradaban	1) Menjelaskan konsep etika dalam sejarah pemikiran manusia. 2) Membincangkan konsep peradaban dalam sejarah pemikiran manusia.	1) Jati diri 2) Menghayati sejarah 3) Menghargai kepelbagaian
BAB 3: Etika dan Peradaban dalam Masyarakat Kepelbagaian	1) Menjelaskan proses pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian. 2) Menganalisis impak etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian.	1) Menghargai kepelbagaian 2) Menghayati sejarah 3) Jati diri 4) Kepimpinan
BAB 4: Pemantapan Kesepaduan Nasional di Malaysia	1) Membincangkan proses pemantapan kesepaduan sosial di Malaysia 2) Mengaplikasikan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia	1) Perpaduan 2) Mencintai negara 3) Mengikut perlembagaan dan undang-undang
BAB 5: Pembinaan Peradaban Majmuk di Malaysia	1) Menghuraikan proses pembentukan negara bangsa di Malaysia 2) Menganalisis negara bangsa Malaysia dari perspektif peradaban	1) Mencintai negara 2) Menghayati perpaduan 3) Menghargai kepelbagaian
BAB 6: Perlembagaan Sebagai Tapak Integrasi dan Wahana Etika dan Peradaban di Malaysia	1) Menjelaskan konsep Tapak Integrasi dalam kehidupan bermasyarakat. 2) Menjelaskan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi utama negara. 3) Menganalisis perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan dengan memberi perhatian kepada aspek "Tapak Integrasi." 4) Menghuraikan definisi dan konsep Perlembagaan sebagai asas etika dan peradaban di Malaysia 5) Menganalisis isu semasa berkaitan Perlembagaan Persekutuan 6) Menghuraikan cabaran yang dihadapi	1) Menghargai kepelbagaian 2) Mengikut perlembagaan dan undang-undang 3) Perpaduan 4) Jati diri 5) Pemikiran rasional
BAB 7: Teknologi Maklumat dan Komunikasi Penggerak Kesepaduan Nasional di Malaysia	1) Mengetahui keperluan dalam penggunaan ICT secara beretika	1) Kemahiran ICT 2) Nilai menyaring maklumat 3) Pemikiran kritis
BAB 8: Peranan Etika dan Peradaban dalam Mendokong Tanggungjawab Sosial di Malaysia	1) Menjelaskan takrifan autoriti dan takrifan harian 2) Menghuraikan peranan Etika dan Peradaban dalam mendokong tanggungjawab sosial 3) Mempamerkan minat kesukarelawan dalam mencapai keharmonian masyarakat	1) Nilai menghargai budaya 2) Menyumbang kepada masyarakat 3) Menjaga keharmonian 4) Kesukarelawanan
BAB 9: Cabaran Kelestarian Etika dan Peradaban di Malaysia	1) Memahami cabaran kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. 2) Menghuraikan etika dan peradaban Malaysia dalam konteks pengalaman negara dan antarabangsa. 3) Menjelaskan kelestarian etika dan peradaban dalam kepelbagaian dan negara bangsa. 4) Menganalisis matlamat pembangunan lestari dan kesejahteraan bersama.	1) Jati diri 2) Kedaulatan negara 3) Perpaduan 4) Mencintai negara

Sumber: Penulis (2024)

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pembentukan domain afektif dan nilai-nilai yang terkandung dalam kursus PEP mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain. Hal ini dapat dibuktikan dengan kandungan dalam silibus kursus PEP mempunyai nilai-nilai serta etika dalam membangunkan sahsiah pelajar. Nilai-nilai yang difokuskan dalam kursus ini seperti autonomi, kepimpinan, tanggungjawab dan jati diri perlu disuburkan mengikut prinsip kepercayaan dan kesedaran kepada Tuhan yang terkandung dalam FPK dan RN. Setiap universiti dan pensyarah perlu cakna akan kepentingan kursus PEP ini serta memahami kepentingan kurikulum kursus ini yang merentas bidang pengajian. Apa yang paling utama, kursus PEP tidak wajar menumpukan kepada aspek kognitif semata-mata. Sebaliknya, pengamalan secara praktis hasil dari pemikiran yang kritis perlu disepadukan dalam penyampaian dan penilaian kursus ini. Aspek amali atau praktikal yang dapat memberi pengalaman pembelajaran bermakna kepada pelajar perlu ditingkatkan. Daripada pengalaman pembelajaran yang diperolehi tersebut, pelajar perlu dipandu untuk melakukan refleksi agar nilai yang disasarkan dapat dihayati oleh pelajar. Nilai itu pula harus ditunjangi oleh 'kesedaran bertuhan' dan 'peranan kemanusiaan sejagat' yang terbentuk dari kesepaduan penghayatan FPK dan RN. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi melihat kepada kesan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam pengaplikasian kehidupan mahasiswa bagi melihat pembentukan afektif dalam diri mahasiswa.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh geran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 2021, ID Projek: FRGS/1/2021/SS10/UiTM/02/3 dan terima kasih kepada Prof. Dato' Dr. Halim Tamuri, Profesor Madya Dr. Raudlotul Firdaus Fatah Yasin dan Dr. Nurul Asiah Fasehah Muhamad atas kerjasama dalam penyelidikan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada apa-apa konflik yang wujud antara penulis serta pihak luar yang telah terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel ini secara keseluruhan.

SUMBANGAN PENULIS

Mahfuzah Mohammed Zabidi menjalankan penyelidikan, menulis dan menyemak semula bagi artikel ini. Nur Syazwani Othman menulis dan menganalisis setiap data yang diperolehi. Ahmad Fakhurrizi Mohammed Zabidi dan Norhapizah Mohd Burhan merancang penyelidikan dan membentuk idea utama bagi artikel ini.

RUJUKAN

- Abdullah, S. R., Fazial, F., Mat Hassan, S. H., Yahaya, S., & Hamid, C. K. (2022). Keberkesanan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Memupuk Kesepaduan Kaum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 571–582. <https://doi.org/10.35631/ijepc.746043>
- Abu Bakar, R., Zuina Ismail, C., Abu Bakar, A. F., & Abd Aziz, N. (2019). Mekanisme Penilaian Kursus dan Hubungannya dengan Penerimaan Pelajar Terhadap Kursus CTU di UiTM. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 5(2), 76–92.
- Awang, A., Ahmad, S., Ismail, C. Z., Taha, M. M., & Bakar, R. A. (2023). Persepsi Pelajar Terhadap

- Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Terhadap Penilaian CTU 554 Menggunakan Platform Ufuture. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(52), 70–83. <https://doi.org/10.55573/JISED.085207>
- Bernard, H. R. (2011). *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*. Rowman Altamira.
- Esa, M. S., Abang Muis, A. M. R., Ationg, R., Othman, I. W., Lukin @ Lokin, S. A., Mokhtar, S., & Sharif Adam, S. D. (2021). Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian Kes Di Kalangan Pelajar Prasiswazah Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 57–67. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.623004>
- Fatmi Talib, N. H., Ghazali, H., & Dzalihu'zzabir, N. W. (2021). Perpaduan dan Patriotism Dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(2), 24–35.
- Hanapi, N. M., Omar, N., Samat, M. M., & Kamal, M. M. M. (2021). Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Gading Journal for Social Sciences (e-ISSN 2600-7568)*, 24(03), 38–46. <https://gadingss.learningdistance.org/index.php/gadingss/article/view/284>
- Husain, F. C., Jodi, K. H. M., Mat, Z. Hj., & Kadir, F. A. A. (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 433–448. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/specialissue2018/jsass_khas02_030_faridah.pdf
- Jagger, S. (2013). Affective Learning and the Classroom Debate. *Innovations in Education and Teaching International*, 50(1), 38–50. <https://doi.org/10.1080/14703297.2012.746515>
- Khalil, A. A., Othman, M. K. H., & Saidon, Mohd. K. (2020). Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Inovasi Dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi. *Islāmiyyāt*, 42(Isu Khas), 13–20. <http://journalarticle.ukm.my/15866/1/40592-129583-1-SM.pdf>
- Kraft, K. J. van der H., Srogi, L., Husman, J., Semken, S., & Fuhrman, M. (2011). Engaging Students to Learn Through the Affective Domain: A New Framework for Teaching in the Geosciences. *Journal of Geoscience Education*, 59, 71–84. <https://doi.org/10.5408/1.3543934>
- Marzuki, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Mohd Nor, N. M., & Othman, I. W. (2021). Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 90–100. <https://doi.org/10.35631/ijepc.639005>
- Md Soh, N. S. (2022). *Analisis Penerapan Nilai-nilai Murni Terhadap Pelaksanaan Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) di UiTM*.
- Md. Saad, K. (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. *International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSAL 2021)*, 121–135.
- Mohamad Ahmad, Z., Othman, M. S., & Mohamad Ahmad, F. (2023). Penguasaan Domain Afektif dan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban di Politeknik. *E-Proceedings of International Seminar on Islamic Studies 2023 (SEAPIS 2023)*, 1–18.
- Mohamad Yunos, N., & Mahat, A. (2021). COVID-19: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesehatan Mental di Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 265–272.

- Mohd Noor, A. F., Jasmi, K. A., & Shukor, K. A. (2013). Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan Dan Penyelidikan Islam*, 522–531.
- Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H. @ A., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, Mohd. S., & Marinsah, S. A. (2021). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 187–197. <https://doi.org/10.35631/ijepc.6390012>
- Muhammad, R., Othman, M. M., Budin, A., Wan Ahmad, W. A., & Abdul Wahab, M. H. (2013). Memacu Kecemerlangan Akademi: Halatuju & Peranan Pensyarah ACIS. *Prosiding KONAKA Konferensi Akademik (Sains Sosial)*, 252–260.
- Rosli, A. R., Mahadi, M. I., & Mohamad, A. (2023). Kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing. *Technical and Vocational Education International Journal*, 3(1). <https://doi.org/10.556442>
- Ruslan, H., Zain, F. M., Bakar, K. A., & Kamaruzaman, A. F. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)*, 21(1), 126–141. <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>
- Salman, T. M. I. T. M., Wahid, N. Abd., Yunus, A. M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. R. (2022). Faktor kemurungan di kalangan pelajar universiti di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(1), 128–146.
- Zabidi, M. M., Zabidi, A. F. M., & Burhan, N. M. (2022). Affective Domain in Learning Taxonomy at Institution of Higher Education. *Global Journal al Thaqafah, Special Issue(1)*, 1–10. <https://doi.org/10.7187/GJATSI062022-1>.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).